



TEKS UCAPAN:

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
MERANGKAP
PENGERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN
BENCANA NEGARA**

SEMPENA:

**MAJLIS AMANAT TAHUN 2024
BERSAMA WARGA NADMA**

TARIKH/ MASA:

**19 JANUARI 2024 (JUMAAT)
3.00 PETANG**

TEMPAT:

**MARKAS SMART
PULAU MERANTI, PUCHONG, SELANGOR**

Terima kasih saudara/ saudari
pengacara majlis.
Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

PENDAHULUAN

1. Bencana merupakan suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang kadangkala melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggembleran sumber yang ekstensif.

2. Di Malaysia, bencana utama yang sering melanda adalah banjir, diikuti tanah runtuh, kemarau, kebakaran hutan dan jerebu, selain turut terkesan dengan gegaran gempa bumi termasuk tsunami yang berlaku di negara-negara serantau.

3. **Pada tahun 2015 dahulu ketika saya menjawat sebagai Timbalan Perdana Menteri buat kali pertama, saya telah mengumumkan penubuhan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang akan bertindak sebagai penyelaras kepada agensi kerajaan yang terlibat dengan penguatkuasaan bencana**

termasuk banjir. Langkah ini dilakukan susulan kejadian banjir besar atau dikenali sebagai “Bah Kuning” yang melanda negara ketika itu.

4. **Ibarat ‘sirih pulang ke gagang’, saya bersyukur setelah 9 tahun penubuhan NADMA, hari ini saya berpeluang untuk kembali bersama-sama dengan saudara dan saudari semua bagi menjayakan Majlis Amanat bersama warga NADMA bagi tahun 2024.**

5. Pastinya 'moment' ini sangat menyentuh hati dan perasaan saya kerana dapat melihat usaha 9 tahun lalu, hari ini ianya masih wujud, malah telah berkembang sebagai sebuah agensi yang sangat penting kepada rakyat dan negara, terutama ketika berhadapan dengan situasi bencana yang berlaku di negara ini.

USAHA PEMERKASAAN NADMA

Hadirin sekalian,

6. Kita semua tahun bahawa bencana secara natijahnya mengakibatkan

kematian, kemusnahan infrastruktur, mengganggu kehidupan, serta meninggalkan kesan kepada kesejahteraan fizikal dan psikologi mangsa.

- 7. Memandangkan pengurusan dan pengurangan risiko bencana ini adalah satu isu *cross-cutting* melibatkan pelbagai pihak dan lapisan masyarakat, ianya memerlukan penggembengan usaha dan kerjasama yang terselaras serta menyeluruh.**

8. Sebab itulah saya mahu agar NADMA terus maju ke hadapan dalam memperkasa dan menambahbaik pengurusan bencana melalui **langkah pengurangan risiko bencana atau Disaster Risk Reduction (DRR)** sesuai dengan fungsi NADMA selaku peneraju pengurusan bencana di negara ini.

9. **Tindakan NADMA melakukan pengemaskinian Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20 (MKN 20), Arahan Majlis Keselamatan No. 19 (MKN 19), Perintah Tetap Operasi (PTO) serta pembentukan dasar antara lain dapat memastikan**

**bahawa langkah-langkah
pengurusan bencana dan DRR
yang diambil adalah relevan** dengan
keadaan semasa sama ada di
peringkat negara mahupun
antarabangsa, berkesan dan
berpaksikan kepada strategi DRR
serta pembangunan mampan.

10. Saya difahamkan bahawa pengukuhan mekanisma koordinasi dan kompetensi *stakeholders* pengurusan bencana kini giat dilaksanakan. Sesi libat urus dan koordinasi melalui bengkel Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)

dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) sentiasa dianjurkan dan diselaras NADMA bagi memantapkan jalinan kerjasama dan tadbir urus dalam kalangan agensi. Alhamdulillah, pengurusan bencana di negeri-negeri terlibat yang kita perhatikan sewaktu musim MTL 2023/2024 sekarang ini berjalan dengan baik sekali.

11. Di sini juga saya ingin menzahirkan kebanggaan apabila pengemblengan usaha dan kerjasama strategik yang dipacu NADMA, telah membuahkan hasil

yang cukup memberangsangkan melalui **pembangunan *dashboard* pengurusan bencana** di bawah ***Defence Geospatial Information Management System (DGIM)***, yang dibangunkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

12. Saya yakin melalui sistem ini, **data-data *geospatial* dari pelbagai agensi dapat diintegrasikan menerusi satu platform untuk digunapakai oleh *National Disaster Command Centre (NDCC)* selaku PKOB Pusat untuk tujuan analisa, dikongsi dan seterusnya dijadikan**

input laporan untuk rujukan pihak-pihak berkepentingan dan agensi-agensi berkaitan pengurusan bencana dalam membuat keputusan. Tahniah saya ucapkan kepada NADMA!

PENGGEMBLENGAN USAHA PELBAGAI PIHAK

- 13. Pengurusan bencana dan DRR bukan sahaja terletak di bahu Kerajaan Pusat, malah Kerajaan Negeri dan pentadbiran di peringkat Daerah masing-masing mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk bersama-sama**

mengurus dan mengurangi risiko bencana.

14. Dalam mengurangi risiko bencana, kita tidak boleh menolak pentingnya tadbir urus yang berlandaskan DRR dalam perancangan pembangunan, guna tanah, pengurusan air dan penyelenggaraan yang tertakluk di bawah kuasa negeri bagi mengelakkan bencana dari terus berlaku, dan memastikan pembangunan yang mampan untuk kesejahteraan rakyat khususnya generasi akan datang.

15. **Saya tahu, penyediaan dana untuk pengurusan bencana masih menjadi salah satu cabaran yang besar.** Sudah pasti setiap perancangan dan tindakan yang akan dilakukan seperti mengurus dan tindakan mengurangkan risiko bencana akan melibatkan kos. Dalam hal ini, **Kerajaan Perpaduan di bawah Pimpinan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah memberikan komitmen sewajarnya dengan memperuntukkan sebanyak RM11.8 billion bagi melaksana 33 projek tebatan banjir berkeutamaan tinggi.**

16. **Saya juga ingin melihat pelaksanaan *game-changer* terus diperhebat dengan menjalin erat kolaborasi rentas Kementerian termasuk Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta. Usaha *game-changer* ini boleh difokuskan bukan saha dalam pengurusan bencana, tetapi juga terhadap usaha memberikan pendidikan dan maklumat untuk meningkatkan kesedaran awam di dalam menghadapi bencana.**
17. **Contohnya, kita boleh memaksimakan penggunaan**

aplikasi WhatsApp, push notification melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat telekomunikasi. Penghasilan visual simulasi banjir, infografik dan sebagainya juga perlu diberi perhatian yang boleh disebarluaskan melalui media massa dan media sosial.

- 18. Saya merasakan ini adalah kaedah-kaedah terbaik dan terpantas untuk mengeluarkan amaran awal dan arahan bersedia khususnya kepada penduduk di kawasan rendah dan berisiko banjir, sekaligus dapat memperlihatkan kesungguhan pihak**

Kerajaan khususnya NADMA terhadap usaha memastikan kebajikan rakyat sentiasa diutamakan.

CRISIS COMMUNICATION DAN STRATEGIC COMMUNICATION

Hadirin sekalian,

19. Kita perlu sedari, apa jua usaha yang dilakukan, **komunikasi adalah kunci utama yang dapat membawa kepada keberkesanan setiap langkah dan usaha yang dilakukan.**

20. Oleh itu, **saya melihat bahawa peningkatan kemahiran di dalam**

Crisis Communication dan Strategic Communication di setiap lapisan pengurusan bencana perlu dipertingkatkan bukan hanya untuk menjelaskan tanggapan negatif dalam kalangan masyarakat yang boleh menjejaskan imej Kerajaan, tetapi juga memastikan setiap pasukan dalam pengurusan bencana memahami dengan jelas peranan dan tanggungjawab masing-masing.

21. Dalam pada itu, **usaha mempertingkatkan kependidikan, kesukarelawanan dan kapasiti masyarakat dalam pengurusan dan pengurangan risiko bencana** perlu

dipergiatkan lagi sejajar dengan fokus “*localization*” yang diadvokasi di peringkat antarabangsa.

22. Menarik untuk dikongsi di sini, **Negara Jepun sering menghadapi bencana seperti tsunami, gempa bumi dan taufan, namun rekod kehilangan nyawa serta harta benda adalah sangat minimum. Susulan itu terdapat satu kajian yang telah dijalankan di Jepun selepas berlakunya gempa bumi Hanshin Awaji, Kobe pada tahun 1995 yang mendapati 77% mangsa telah diselamatkan oleh ahli keluarga,**

jiran tetangga, dan masyarakat setempat.

23. Selain itu, Badan Pengurusan Bencana *Federal Emergency Management Agency* (FEMA) di Amerika Syarikat juga menerapkan kepentingan individu dan masyarakat untuk bersedia mengambil tindakan awalan menyelamatkan diri apabila berlakunya bencana.

24. Melalui program ***Community-Based Disaster Risk Management*** (CBDRM) yang dikelola oleh NADMA, saya dimaklumkan sebanyak **37,488** individu daripada

pelbagai lapisan masyarakat telah dilibatkan pada tahun lepas dan program ini perlu diteruskan bagi memantapkan peranan komuniti selaku *initial responder* dan tidak hanya bergantung kepada agensi penyelamat semata-mata.

25. **Sebenarnya saya pernah mengutarakan idea ini awal tahun lalu ketika berlakunya banjir di Negeri Johor, untuk kita mewujudkan satu usaha ke arah melahirkan ‘1 keluarga 1 pakar bencana’ yang sentiasa bersedia dan “cakna” terhadap situasi**

bencana, serta mampu mengambil langkah sewajarnya untuk keselamatan diri, keluarga dan harta benda.

26. **Pada hemat saya, ini boleh menjadi asbab yang dapat membantu meminimumkan impak bencana terhadap nyawa dan harta benda.** Apabila setiap keluarga mempunyai wakil yang dibekalkan ilmu dan kemahiran menghadapi bencana, mereka dapat bertindak ketika berhadapan situasi tersebut dengan lebih berkesan.

HALA TUJU NADMA

Hadirin sekalian,

27. **Sebagai peneraju pengurusan bencana, saya mahu NADMA mempunyai hala tuju yang jelas supaya dapat berfungsi dan bertindak dengan lebih cemerlang.** Penyusunan semula struktur NADMA perlu dilaksanakan segera untuk mencapai misi dan visi NADMA. Tindakan ini bukan hanya melibatkan penstrukturan perjawatan tetapi melihat secara holistik keperluan bagi memenuhi aspirasi setiap rakan strategik dalam pengurusan bencana.

28. Selain itu, sebagai peneraju **pengurusan bencana yang unggul, pelan strategik dan pengukuhan gerak kerja dan budaya kerja baharu dalam kalangan seluruh warga NADMA perlu wujud dan diperkasakan ke arah pencapaian hasil yang bermutu tinggi dan perkhidmatan cemerlang, bukan hanya dalam negara tetapi di luar negara.**
29. Apa yang penting, dengan perancangan dan strategi yang tepat, setiap keputusan yang diputuskan bukan sahaja memberikan hasil yang

diinginkan, malah berupaya mengelak daripada sebarang bentuk keciciran, dan pembaziran dari sudut kewangan, masa dan tenaga yang telah disumbangkan. Insya-Allah.

PENGIKTIRAFAN INSARAG IER KEPADA SMART

- 30. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Special Malaysia Disaster Assistance And Rescue Team (SMART) kerana telah berjaya mendapatkan pengiktirafan INSARAG External Classification (IEC) pada tahun 2016 dan telah**

meletakkan SMART sebaris dengan pasukan penyelamat elit di seluruh dunia. SMART merupakan pasukan penyelamat yang ke-2 di Asean, ke-8 di Asia Pasifik dan ke-46 dunia mendapat pengiktirafan tersebut.

- 31. Bagi mengekalkan status INSARAG tersebut, proses INSARAG External Reclassification (IER) perlu dilaksanakan setiap lima (5) tahun. SMART sepatutnya melalui proses IER pada Jun 2023 namun disebabkan wabak Covid-19 sepanjang tahun 2020 – 2022, proses tersebut telah tertangguh.**

32. Pihak Sekretariat INSARAG telah menetapkan secara tentatif tarikh baharu penilaian pada September 2026. Justeru, NADMA telah membuat perancangan pembangunan SMART bersesuaian dengan kriteria INSARAG dalam tempoh 2024-2026. Justeru saya menyeru semua agensi Kerajaan agar memberi kerjasama bagi memastikan pasukan SMART berjaya dalam proses IER.

33. Saya juga berbangga dengan segala usaha dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh setiap warga NADMA. Anda semua adalah wira-

wira yang tidak didendangkan yang turut mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa antara lain, melalui misi bantuan kemanusiaan dan bencana (HADR) Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) dalam membantu mangsa gempa bumi di Turkiye serta penghantaran bantuan ke Syria. Kita berikan tepukan paling gemuruh kepada mereka!

PENUTUP

34. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengajak seluruh warga NADMA untuk melaksanakan segala

amanah dan tanggungjawab dengan penuh ikhlas, cekap, efisien dan tidak sekadar ‘melepaskan batuk di tangga’. Ini kerana sebagai pengurus bencana, kita menjadi contoh dan fasilitator kepada lain-lain agensi di setiap peringkat.

35. Dalam hal ini, saya suka menekankan konsep “**Wahdatul Fikir, Wahdatul Qalb, Wahdatul A’mal**”, kesatuan fikiran, kesatuan hati dan kesatuan tindakan inilah yang akan menentukan setiap perancangan KKDW dapat dilaksanakan dengan sempurna. Apabila kita laksanakan sesuatu kerja

itu dengan penuh **“itqan”** atau ketekunan dan penuh penghisaban, maka, di situ akan datanglah **“Barakah Fil A’mal”** yang akan mengundang keberkatan dari Allah SWT.

36. Bersama-sama kita berdoa semoga negara kita senantiasa dilindungi dari kejadian-kejadian yang memberi akibat buruk kepada masyarakat dan negara. Semoga Allah SWT turut mempermudah urusan kita semua dalam membantu masyarakat sekiranya ditakdirkan berlaku bencana tersebut.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.